

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SEMBILAN) 2003

PERATURAN-PERATURAN TAULIAH (NEGERI SEMBILAN) 2012

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Tajuk dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA TAULIAH

3. Pelantikan Jawatankuasa
4. Penamatan dan peletakan jawatan
5. Fungsi Jawatankuasa
6. Mesyuarat Jawatankuasa
7. Elaun

BAHAGIAN !!!

PERMOHONAN TAULIAH

8. Kelayakan memohon tauliah
9. Permohonan tauliah dan fi
10. Temuduga
11. Keputusan temuduga

BAHAGIAN IV

TAULIAH

Peraturan

12. Tauliah
13. Syarat-syarat tauliah
14. Daftar tauliah
15. Tempoh sah tauliah
16. Pembatalan tauliah
17. Membaharui tauliah

BAHAGIAN V

AM

18. Pengecualian
19. Pembatalan

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SEMBILAN) 2003

**PERATURAN-PERATURAN TAULIAH (NEGERI SEMBILAN) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 120 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Yang di-Pertuan Besar atas nasihat Majlis, dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut-

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Tajuk dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Sembilan) 2012** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Tauliah yang ditubuhkan mengikut seksyen 118 Enakmen;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Tauliah yang dilantik mengikut perenggan 118 (1) (a) Enakmen;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Jawatankuasa Tauliah yang dilantik di bawah subperaturan 3(5).

BAHAGIAN II  
JAWATANKUASA TAULIAH

**Pelantikan Jawatankuasa**

3. (1) Jawatankuasa Tauliah hendaklah terdiri daripada –
  - (a) Mufti, sebagai Pengerusi; dan
  - (b) tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.
- (2) Ahli-ahli yang disebutkan di dalam perenggan 3(1)(b) hendaklah dilantik oleh Majlis atas syor Mufti.
- (3) Tertakluk kepada peraturan 4, seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(b) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan dia adalah layak dilantik semula.
- (4) Majlis atas syor Mufti boleh melantik seseorang untuk mengisi kekosongan jawatan mana-mana ahli Jawatankuasa yang terhenti memegang jawatan di bawah perenggan 3(1)(b).
- (5) Majlis hendaklah melantik seorang Setiausaha Jawatankuasa.

**Penamatan dan peletakan jawatan**

4. (1) Majlis pada bila-bila masa boleh menamatkan pelantikan seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(b).
- (2) Seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(b) boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada Majlis.

**Fungsi Jawatankuasa**

5. (1) Fungsi Jawatankuasa adalah-
  - (a) untuk menemudga orang yang memohon tauliah;
  - (b) untuk mengeluarkan tauliah kepada pemohon;

- (c) untuk menetapkan apa-apa syarat dalam tauliah yang dikeluarkan;
  - (d) untuk menarik balik atau membatalkan mana-mana tauliah yang dikeluarkan; dan
  - (e) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada apa-apa fungsi Jawatankuasa di bawah Peraturan-Peraturan ini.
- 

### **Mesyuarat Jawatankuasa**

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan jika pengerusi tidak hadir, ahli yang hadir boleh melantik seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Tiga orang ahli jawatankuasa bolehlah membentuk kuoram bagi mana-mana mesyuarat jawatankuasa.

(3) Pengerusi hendaklah menetapkan tertib perkara yang dimesyuaratkan.

(4) Pengerusi boleh menentukan tertib anggota yang hendak bercakap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa mengkehendaki mana-mana anggota berhenti dari bercakap dalam mesyuarat.

(5) Segala keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diambil secara syura.

(6) Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa jika perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat memerlukan pandangan orang itu.

(7) Seseorang yang dijemput hadir di bawah subperaturan (6) adalah berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa tetapi tidak boleh mengundi.

### **Elaun**

7. Tiap-tiap ahli Jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa elau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis.

### BAHAGIAN III

#### PERMOHONAN TAUliaH

##### Kelayakan memohon tauliah

8. (1) Mana-mana orang yang mempunyai kelayakan berikut boleh memohon tauliah-

- (a) beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah;
- (b) telah mencapai umur 21 tahun ke atas dan dalam hal pengajaran al-Quran dan Tajwid telah mencapai umur 18 tahun;
- (c) memiliki:
  - (i) Ijazah Pengajian Tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan; atau
  - (ii) kelulusan daripada institusi pengajian agama tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan;
- (d) mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengajaran yang diperlukan.

(2) Jawatankuasa boleh, atas alasan-alasan yang munasabah, mengecualikan mana-mana pemohon dari mana-mana kelayakan yang dinyatakan dalam subperaturan(1), jika difikirkan wajar dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

##### Permohonan tauliah dan fi

9. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk memohon tauliah hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa dengan menggunakan Borang 1 seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Setiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Jabatan Mufti Negeri Sembilan dengan menyertakan salinan dokumen yang berkaitan dan fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

## **Temuduga**

10. (1) Setiap permohonan untuk mendapatkan tauliah perlu dikemukakan sebulan lebih awal dari tarikh cadangan pemohon untuk mengajar agama.

(2) Selepas permohonan diterima, sekiranya difikirkan perlu oleh Jawatankuasa, Setiausaha hendaklah memanggil pemohon untuk ditemuduga sebagai syarat meluluskan permohonan.

## **Keputusan temuduga**

11. Setiausaha hendaklah memastikan keputusan temuduga dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh empat belas hari (14) dari tarikh keputusan temuduga yang dibuat oleh Jawatankuasa.

## **BAHAGIAN IV**

### **TAULIAH**

#### **Tauliah**

12. Tauliah hendaklah dikeluarkan kepada pemohon yang permohonannya diluluskan seperti dalam Jadual Kedua.

#### **Syarat-syarat tauliah**

13. (1) Setiap orang yang diberi tauliah di bawah peraturan 12, adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut-

- (a) tidak boleh menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal- Jamaah;
- (b) tidak boleh menyentuh apa-apa yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja sebagai Ketua Agama Negeri;
- (c) tidak boleh menyinggung sensitiviti mana-mana kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegarigan kaum dan agama;

- (d) tidak boleh mempertikaikan perkara-perkara Khilafiah yang terdapat di dalam empat mazhab (Shafie,Hanafi,Maliki dan Hambali);
- (e) tidak boleh mempertikaikan apa-apa jua fatwa negeri;
- (f) dalam perkara-perkara berkaitan hukum fiqh, hendaklah berdasarkan Mazhab Shafie;
- (g) tidak boleh menyentuh isu-isu kepartian politik;
- (h) tidak boleh menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu; dan
- (i) syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

### **Daftar Tauliah**

14. (1) Setiausaha hendaklah menyelenggarakan suatu rekod mengenai pendaftaran tauliah, dan rekod itu bolehlah dinamakan sebagai "Daftar Tauliah"

- (2) Daftar Tauliah hendaklah mengandungi maklumat yang berikut-
- (a) nama;
- (b) nombor kad pengenalan;
- (c) kelulusan;
- (d) alamat surat menyurat;
- (e) tempoh tauliah;
- (f) kategori tauliah;
- (g) bidang pengajaran;
- (h) tempat / kawasan mengajar; dan
- (i) butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

### **Tempoh sah tauliah**

15. (1) Sesuatu tauliah yang dikeluarkan kepada pemegang tauliah adalah sah mengikut tempoh sebagaimana berikut-

- (a) selama tempoh tiga tahun dari tarikh ianya dikeluarkan; atau
- (b) mengikut tarikh, masa dan tempat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

#### **Pembatalan tauliah**

16. (1) Jawatankuasa boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana tauliah yang dikeluarkan tanpa perlu memberi alasan kepada pemegang tauliah.

(2) Mana-mana pemegang tauliah yang telah dibatalkan tauliahnya hendaklah menyerahkan kembali tauliah tersebut kepada Jawatankuasa dengan segera.

#### **Membaharui tauliah**

17. (1) Mana-mana pemegang tauliah boleh mengemukakan permohonan untuk membaharui tauliah mereka selewat-lewatnya satu bulan sebelum tamat tempoh tauliah tersebut.

(2) Jawatankuasa mempunyai kuasa sama ada boleh atau enggan membaharui mana-mana tauliah tanpa perlu memberi alasan kepada pemegang tauliah.

### **BAHAGIAN V**

#### **AM**

#### **Pengecualian**

18. Jawatankuasa boleh, melalui notis bertulis, mengecualikan mana-mana orang yang berikut dari kehendak mendapatkan tauliah-

- (a) Alim Ulama atau tokoh agama dari dalam negeri atau luar negeri yang dijemput secara rasmi atau atas jemputan khas Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, jabatan atau agensinya;
- (b) Mufti-mufti Negeri dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri;
- (c) Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-Negeri;

- (d) Menteri atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dengan Hal Ehwal Islam, Ketua Jabatan Agama Islam Negeri atau Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri-Negeri; dan
- (e) Pegawai Hal Ehwal Islam atau Pegawai Agama Islam Persekutuan dan Negeri.

#### Pembatalan

19. Peraturan-Peraturan Tauliah Mengajar Ugama Dalam Negeri Sembilan Tahun 1965 [N.S.L.N 18/1965] dibatalkan.